



Terma & Syarat Promosi (Voucher dan Baucar Diskaun)

Terma dan syarat berikut terpakai bagi penebusan dan penggunaan baucar promosi atau kod baucar ("Baucar") di Haqqi Mall.

1. Kelayakan Penggunaan

Baucar hanya sah untuk digunakan di laman web rasmi Haqqi Mall, laman mudah alih, atau aplikasi mudah alih (jika berkenaan).

2. Tempoh Sah

Setiap baucar mempunyai tempoh sah tertentu seperti yang dinyatakan dalam maklumat promosi atau polisi baucar berkenaan. Baucar yang telah tamat tempoh tidak boleh ditebus.

3. Hak Pembatalan

Haqqi Mall berhak untuk membatalkan atau mengubah sebarang pesanan, atau membatalkan penggunaan Baucar atas sebab-sebab berikut:

- a) Aktiviti pembelian atau penggunaan Baucar yang mencurigakan atau bersifat penipuan;
- b) Penyalahgunaan Baucar termasuk penggunaan berbilang akaun atau checkout berganda oleh pembeli yang sama atau berkumpulan;
- c) Penggunaan Baucar dengan niat yang tidak baik, termasuk dijual semula atau digunakan untuk pembelian semula produk bagi tujuan menjual kembali.

4. Gabungan dengan Promosi Lain

Melainkan dinyatakan sebaliknya, Baucar tidak boleh digunakan bersama dengan promosi, diskaun, atau kod baucar lain.

5. Syarat Tambahan

Syarat tambahan mungkin ditetapkan untuk Baucar tertentu seperti tempoh, kelayakan, jumlah diskaun, atau produk yang terlibat. Syarat tersebut akan terpakai bersama terma ini.

6. Penggunaan oleh Penjual Tidak Dibenarkan

Penggunaan Baucar oleh penjual adalah dilarang. Haqqi Mall berhak membatalkan pesanan yang menunjukkan tingkah laku seperti penjual.

7. Tidak Boleh Ditukar dengan Tunai

Baucar tidak boleh ditukar dengan wang tunai dalam apa jua keadaan.

8. Tiada Pulangan Baucar dalam Proses Pemulangan Wang

Sekiranya pembelian menggunakan Baucar dipulangkan, nilai Baucar tidak akan dikembalikan.

9. Pengecualian Tanggungjawab

Haqqi Mall tidak akan bertanggungjawab dan tidak perlu memberi ganti rugi dalam bentuk Baucar baru, diskaun, kredit, wang tunai atau sebarang pampasan sekiranya:

- a) Baucar ditamatkan atau pesanan dibatalkan;
- b) Baucar disalah guna atau tidak dapat ditebus;
- c) Baucar tidak dapat ditebus kerana isu teknikal.

10. Perubahan Terma dan Pembatalan Promosi

Haqqi Mall berhak untuk mengubah terma & syarat ini, atau membatalkan mana-mana promosi pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

Kemaskini : 16/04/2025